

Laporan Program "TOMORROW'S LEADER" ANJURAN AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN PERLIS SELATAN

Oleh: Pn. Nur Aimi Muslim

Penyalahgunaan dadah telah dikenalpasti sebagai punca utama yang merencatkan pembangunan negara. Sejak awal tahun 1983, kerajaan telah mengisytiharkan masalah penyalahgunaan dadah sebagai satu ancaman utama kepada keselamatan negara dan ianya menjadi agenda utama negara bagi memastikan agenda utama ini dapat dibendung. Oleh itu, pada 19 November 2011 yang lalu, Universiti Malaysia Perlis telah dipilih menjadi tuan rumah untuk program "Tomorrow's Leader" Anjuran Agensi Antidadah Kebangsaan Perlis Selatan. Seramai 100 orang peserta terlibat dalam program ini terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti Malaysia Perlis, Sekolah Menengah Kebangsaan Lailatul Shahreen, Institut Latihan Perindustrian Kangar dan Pusat Giatmara Arau. Program yang berbentuk forum itu telah dijalankan di Dewan Kapitol, UniMAP. Antara tujuan program tersebut adalah untuk memberikan pengetahuan, kefahaman, kesedaran, dan kemahiran tentang pendidikan pencegahan dadah, membantu pelajar yang terlibat agar bebas dari dadah dengan intervensi, menggerakkan pelajar IPT/IPTS sebagai ahli Rada yang Pro aktif dan berketrampilan di samping melibatkan warga IPT terutamanya Hal Ehwal Pelajar dalam Program Pencegahan Dadah. Majlis Penutupan program tersebut telah dirasmikan oleh Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UniMAP, Encik Razli Ahmad.

